



# **SIARAN MEDIA**

## **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **“MEKANISME BAHARU BAYARAN BALIK UNTUK BANTU RINGKANKAN BEBAN PEMINJAM DAN PASTIKAN KELESTARIAN PTPTN”**

1. Tujuan Sidang Media pada pagi ini adalah bagi memberikan **penjelasan terperinci berkenaan dasar-dasar baharu yang akan dilaksanakan oleh PTPTN mulai 1 Januari 2019**, selaras dengan pengumuman Belanjawan 2019 yang dibuat oleh YB Menteri Kewangan pada 2 November 2018 dan juga kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November 2018.
  
2. **Lima (5) perkara** yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 ialah :
  - i. Potongan gaji secara progresif daripada 2 peratus hingga 15 peratus berdasarkan gaji bulanan peminjam;
  - ii. Potongan cukai untuk majikan yang membayar hutang PTPTN pekerja;
  - iii. Pengecualian bayaran balik pinjaman Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama untuk pelajar daripada keluarga B40 dan M40;
  - iv. Baki hutang dilupuskan apabila peminjam berumur 60 tahun; dan
  - v. Pelepasan taksiran cukai SSPN dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000 mulai tahun taksiran 2019.
  
3. Lima (5) perkara tersebut akan kami laksanakan dengan **matlamat** berikut :
  - i. Mengubah persepsi masyarakat terhadap PTPTN **daripada agensi pinjaman pendidikan kepada agensi tabungan pendidikan**;
  - ii. **Mempermudahkan peminjam** dalam berurusan dengan PTPTN;
  - iii. Mengurangkan beban peminjam terutama anak muda dan golongan berpendapatan rendah; dan
  - iv. Memastikan **kelestarian PTPTN** untuk kemudahan **generasi yang akan datang**.

## (MEKANISME BAHARU PEMBAYARAN - POTONGAN GAJI SECARA PROGRESIF)

4. Seperti yang saya maklumkan pada 18 Ogos 2018 lalu, kami di PTPTN mengusahakan satu mekanisme bayaran balik baharu untuk mempermudah urusan peminjam dan memastikan kelestarian PTPTN jangka panjang. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai PTPTN yang dipimpin oleh Encik Wan Ahmad Wan Yusoff, Cik Mastura Mohd Khalid dan Encik Azhar Ahmad yang bertungkus lumus mengkaji dan menyediakan cadangan tersebut. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan, YB Dr Maszlee Malik yang sentiasa prihatin mengenai perkembangan di PTPTN dan juga Jemaah Menteri yang telah meluluskan cadangan kami.

5. Kaedah bayaran balik pinjaman secara progresif atau Potongan Gaji Berjadual (PGB) akan dilaksanakan bermula Januari 2019. Sistem ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia telah dilaksanakan di beberapa negara seperti di Australia dan New Zealand. Sistem ini biasanya dikenali sebagai *Income-Contingent Loan Repayment (ICLR)*.

6. PGB adalah bayaran balik mengikut peratus potongan daripada gaji peminjam **apabila gaji mencecah RM2,000 sebulan**. Peratus potongan adalah di **antara 2% hingga 15%** dengan perincian berikut:

**JADUAL 1 : PERATUS POTONGAN MENGIKUT PENDAPATAN**

<b>Bil</b>	<b>Pendapatan</b>	<b>Peratus Potongan</b>	<b>Julat Ansuran (Potongan Gaji)</b>
1	Kurang RM2,000	0%	Tiada
2	RM2,000 – 2,499.99	2%	RM40 – 49.99
3	RM2,500 – 2,999.99	3%	RM75 - 89.99
4	RM3,000 – 3,999.99	5%	RM150 - 199.99
5	RM4,000 – 5,999.99	8%	RM320 - 479.99
6	RM6,000 – 7,999.99	10%	RM600 - 799.99
7	RM8,000 dan ke atas	15%	RM1,200 ke atas

7. Untuk merealisasikan kaedah ini, **PTPTN akan bekerjasama dengan semua agensi yang berkaitan untuk** mendapatkan **maklumat pendapatan dan butiran majikan peminjam.**

8. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, PTPTN akan mengeluarkan arahan potongan gaji mengikut peratus potongan **kepada majikan.** Seterusnya, menjadi **tanggungjawab majikan** untuk membuat potongan gaji pekerja bagi bayaran balik pinjaman kakitangan mereka kepada PTPTN.

9. Bagi **peminjam yang tidak termasuk di dalam penggajian dengan mana-mana majikan dikehendaki membuat pengesahan maklumat pendapatan** mereka melalui portal PTPTN bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan ansuran bayaran balik berdasarkan kepada peratusan pendapatan juga.

10. Pelaksanaan kaedah PGB ini akan memberi faedah besar kepada mereka yang berpendapatan rendah dan anak muda yang baharu memulakan pekerjaan. Mereka yang bergaji di bawah RM2,000 sebulan tidak perlu membayar sehingga gaji mereka melepasi RM2,000. Manakala bagi mereka yang berpendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000, jumlah bayaran mereka rendah sahaja.

11. Contohnya, jika dibandingkan jumlah bayaran bulanan yang paling rendah, iaitu 2 peratus daripada RM2,000, ia hanyalah RM40 sahaja. Ini hampir separuh daripada bayaran paling rendah dengan kaedah lama, iaitu RM91.67. Maksudnya, kaedah ini lebih membantu untuk mereka yang berpendapatan rendah.

12. **Kaedah ini juga adalah lebih adil kerana ia memastikan mereka yang kurang berada tidak terbeban, manakala mereka yang kaya tidak boleh mengambil kesempatan.** Amaun bayaran kaedah lama adalah bergantung kepada jumlah pinjaman dan tempoh bayaran balik. Mengikut kaedah lama, ada kemungkinan seseorang peminjam yang gajinya RM20,000 tetapi hanya perlu bayar RM91 sahaja. Tetapi peminjam yang bergaji RM4,000 mungkin terpaksa membayar RM250 sebulan.

## **JADUAL 2 : JUMLAH ANSURAN BERDASARKAN JUMLAH PINJAMAN**

<b>Bil</b>	<b>Jumlah Pinjaman</b>	<b>Tempoh Bayaran Balik</b>	<b>Julat Ansuran Bulanan</b>
1	Sehingga RM10,000	60 bulan (5 tahun)	RM175 ke bawah
2	RM10,001 - RM22,000	120 bulan (10 thn.)	RM91.67 - 201.66
3	RM22,001 - RM50,000	180 bulan (15 thn.)	RM140.56 - 319.45
4	RM50,001 dan ke atas	240 bulan (20 thn.)	RM250.01 ke atas

13. Saya yakin kaedah baru ini akan memberi lebih **keadilan** kepada peminjam dan tidak membebankan mereka.

14. Seperti saya sebutkan tadi, mereka yang berpendapatan di bawah RM2,000 belum perlu membayar. **Seramai kira-kira 225 ribu peminjam yang dikenalpasti berpendapatan kurang daripada RM2,000 akan menikmati pelepasan ini.**

### **(INSENTIF PELEPASAN CUKAI UNTUK MAJIKAN YANG MEMBANTU PEKERJA)**

15. Langkah seterusnya yang kami akan ambil untuk memastikan kebajikan peminjam dapat dijaga ialah dengan memberi insentif kepada majikan untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam membantu para peminjam yang bekerja dengan mereka.

16. Sukacita saya umumkan bahawa mana-mana majikan yang membantu membayar pinjaman PTPTN untuk pekerja sepenuh masa mereka akan diberikan pelepasan cukai bagi jumlah yang mereka bayar. Majikan layak menikmati potongan cukai ke atas **apa-apa jumlah bayaran balik, baik yang dibayar secara ansuran setiap bulan atau melalui pembayaran sekaligus.**

17. Syaratnya ialah **majikan tidak boleh mengenakan apa-apa syarat atau tuntutan kepada pekerja** setelah pembayaran ini dibuat.

18. Saya menyeru semua majikan mengambil peluang ini untuk membantu negara dan juga untuk menjana kebaikan kepada organisasi mereka sendiri. Contohnya, majikan boleh menjadikan penyelesaian hutang PTPTN sebagai insentif

kepada pekerja cemerlang, atau insentif dalam merekrut pekerja baru. Insentif ini boleh menjadi motivasi kepada pekerja, dan pada waktu yang sama menaikkan reputasi majikan itu sendiri.

**(PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN IJAZAH SARJANA MUDA KELAS PERTAMA)**

19. Kerajaan juga menghargai usaha para peminjam untuk menjadi pelajar cemerlang dalam pengajian. Maka dengan itu, pelajar daripada golongan isirumah B40 dan M40 yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama dan **menamatkan pengajian dalam tahun 2019** layak mendapat pengecualian bayaran balik pinjaman dengan syarat-syarat berikut:

- i. Mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda secara **Sepenuh Masa**;
- ii. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian **Kelas Pertama**;
- iii. **Menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan**; dan
- iii. Dikategorikan daripada keluarga B40 dan M40 **ketika menamatkan pengajian**;

20. Menerusi tawaran ini, saya harap pelajar akan berusaha dengan lebih gigih untuk menjadi pelajar cemerlang.

**(MENGHAPUS KIRA HUTANG PEMINJAM WARGA EMAS)**

21. Kerajaan prihatin dengan golongan warga emas. Sebagai penghargaan kepada warga emas yang komited dan konsisten dalam membuat bayaran balik, kerajaan bersetuju untuk melupuskan baki hutang peminjam yang memasuki umur 60 tahun sekiranya **peminjam berpendapatan RM2,000 hingga RM4,000 sebulan dan konsisten membayar balik dalam tempoh tiga (3) tahun terkini sebelum umur mencapai 60 tahun.**

## **(MENINGKATKAN INSENTIF UNTUK MENABUNG)**

22. Salah satu matlamat jangka panjang saya ialah menjadikan PTPTN sebagai agensi tabungan pendidikan. Saya melihat budaya menabung sebagai budaya yang amat penting untuk kita mulakan seawal mungkin. Saya tidak mahu rakyat Malaysia datang ke PTPTN apabila anak mereka berumur 18 tahun semata-mata untuk meminjam. Sebaliknya, saya mahu melihat rakyat Malaysia mula datang ke PTPTN untuk membuka akaun simpanan pendidikan sejurus selepas mendaftar sijil kelahiran anak mereka di Jabatan Pendaftaran, walaupun dengan jumlah yang kecil. Kita semua tahu pepatah yang mengatakan bahawa sikit-sikit, lama-lama jadi bukit.

23. Selaras dengan itu, **insentif pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) akan dinaikkan daripada RM6,000 sebelum ini kepada RM8,000 bermula tahun 2019.** Saya harap ini akan menjadi pendorong untuk ibu bapa menabung dengan lebih banyak untuk anak-anak mereka.

24. Insentif ini layak dinikmati oleh ibu bapa / ibu bapa angkat / penjaga yang sah dari segi undang-undang yang membuat simpanan dalam akaun SSPN (SSPN-i dan SSPN-i Plus).

25. Saya melihat simpanan ini sebagai amat penting kerana apabila ada tabungan, maka kebergantungan kepada pinjaman akan dapat dikurangkan.

## **(PENUTUP)**

26. Akhirnya, saya ingin mengambil peluang untuk menegaskan bahawa kami sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat. Ada rakyat yang mahu kesenangan segera. Ada rakyat yang mahu kebajikan mereka terjamin di masa akan datang.

27. Sejak beberapa bulan kebelakangan, saya balik ke kawasan saya di Perlis setiap minggu untuk bertemu rakyat. Ada anak muda di Kampung Jejawi Dalam yang menyatakan bahawa mereka tidak mampu membayar balik hutang PTPTN kerana amaun ansuran bulanan yang tinggi. Ada pula ibu muda di Kampung Bohor Mentalun yang bimbang bagaimana dia nak membiayai kos pendidikan anak

kecilnya yang baru berumur tak sampai setahun. Dan ada guru yang saya jumpa di Kampung Pauh, Arau, yang merayu supaya kita pastikan PTPTN boleh terus membantu anak murid beliau yang kini baru darjah tiga yang akan masuk universiti satu masa kelak.

28. Semua tuntutan ini mempunyai implikasi yang berbeza. Jika dipenuhi tuntutan anak muda yang memohon pengecualian daripada membayar, apa akan jadi kepada masa depan anak kecil yang umurnya belum sampai satu tahun di Bohor Mentalun, atau murid yang sekarang dalam Darjah Tiga di Kampung Pauh? Tetapi, sudah pasti juga kita tidak boleh mengeneipkan rayuan anak muda di Jejawi yang memang mahu membayar tetapi tidak mampu.

29. Sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab, saya perlu mengimbangi semua tuntutan ini. Maka dengan mekanisme bayaran baharu yang lebih adil yang berteraskan paras kemampuan, dan insentif yang kita perkenalkan untuk menjemput majikan agar turut membantu rakyat, serta menggalakkan rakyat untuk menabung, saya harap sedikit sebanyak tuntutan yang pelbagai itu dapat kita penuhi.

30. Para peminjam dan pendeposit boleh melayari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau hubungi talian Careline PTPTN di 03 – 2193 3000 untuk sebarang maklumat lanjut.

**Wan Saiful Wan Jan**  
**Pengerusi**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**  
**05 Disember 2018**